

Sampah banyak pada hari raya

ALOR SETAR – Kutipan sampah semasa Aidilfitri di Kedah dan Perlis meningkat hingga 30 peratus berbanding hari biasa.

Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat pengurusan sisa pepejal, Environment Idaman Sdn Bhd (E-Idaman) Mohd Saiful Anuar Zainal berkata, ia disebabkan disebabkan kesedaran masyarakat untuk menjaga kebersihan dan mengurangkan penghasilan sampah masih berkurangan.

“Pada masa sekarang, janaan sampah kita lebih kurang 1,300 tan sehari dan kalau kita campur dengan sampah kebun, pukal dan sebagainya ia menjangkau sehingga 1,800 tan sehari.

“Sudah pasti kerajaan sekarang ini sedang mengambil langkah untuk melaksanakan pengurangan sisa pepejal ke tapak pelupusan, antaranya melaksanakan sumber pengagihan yang telah dilaksanakan pada September 2015 dan dikuatkuasakan pada Jun 2016,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media semasa ditemui pada majlis rumah terbuka Aidilfitri E-Idaman di Bandar

 ***Apa yang telah kami laksanakan sekarang ialah lebih banyak lagi promosi.*** - Saiful Anuar

Stargate, di sini, semalam.

Menurutnya, hasil pemantauan sepanjang beberapa tahun pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca mendapati penglibatannya agak tinggi iaitu lebih 50 peratus daripada jumlah penduduk ataupun bilangan premis di Kedah, tetapi hasil janaan itu masih lagi meningkat.

“Apa yang telah kami laksanakan sekarang ialah lebih banyak lagi promosi. Kami juga telah membuat kajian di kawasan tertentu di sekitar Kedah untuk melihat kenapa sikap masyarakat masih belum lagi melaksanakan pengasingan sisa pepejal di punca.

“Hasil kajian kita menunjukkan bahawa yang pertama ialah apa yang mereka dapat dengan melaksanakan pengasingan ini dan yang kedua ialah kekurangan ke-

mudahan. Mungkin tak banyak lagi tapak atau bekas-bekas kitar semula yang diletakkan di tempat awam,” katanya.

Jelasnya, hasil kajian itu, pihaknya telah memperkenalkan penggunaan kad pintar MyKasih yang akan diperkenalkan secara rasmi oleh kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dalam tempoh beberapa bulan akan datang.

“Kad tersebut berfungsi sama seperti kad Touch ‘n Go yang mana kita akan kredit bayaran kitar semula itu ke dalam kad tersebut dan masyarakat boleh menggunakannya di pasar raya serta untuk pembayaran utiliti yang lain.

“Setelah melaksanakan hampir enam bulan di masjid-masjid, kita nampak ada keberkesanannya yang mana masyarakat boleh beramal dengan menggunakan amalan kitar semula dengan membawa barangan yang dianggap sampah dan menghasilkan wang dan wang tersebut kita berikan kepada masjid,” katanya.

Tambahnya, pelaksanaan itu akan diperluaskan lagi dalam tempoh terdekat dengan harapan masyarakat dapat menerima kaedah terbaru itu.